



KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI
JABATAN STANDARD MALAYSIA

UCAPAN

EN. SHAHARUL SADRI BIN ALWI

KETUA PENGARAH

JABATAN STANDARD MALAYSIA

MAJLIS PERHIMPUNAN

JABATAN STANDARD MALAYSIA BIL. 1/2023

31 JANUARI 2023

DEWAN MENARA CYBER AXIS

Pendahuluan

Melati kuntum tumbuh melata,
Sayang merbah di pohon cemara;
Assalamualaikum mulanya kata,
Saya sembah pembuka bicara.

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera.

Syukur alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran saya rafakkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan rahmat dan inayah-Nya jua, kita semua dapat berkumpul di dalam Perhimpunan Bulanan Bersama Warga Jabatan Standard Malaysia yang pertama bagi tahun 2023.

Pelantikan Menteri MITI, Timbalan Menteri dan Ketua Setiausaha MITI Baharu

- YB Senator Tengku Datuk Seri Utama Zafrul bin Tengku Abdul Aziz Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (berkuatkuasa pada 3 Disember 2022)

- YB Liew Chin Tong

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (berkuatkuasa pada 10 Disember 2022)

- YBhg. Dato' Isham Ishak bertukar dari Kementerian Pengangkutan ke Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri pada 17 Januari 2023.

Warga Kerja Baharu JSM

Sebagaimana yang semua sedia maklum, terdapat beberapa perubahan dan pertukaran warga kerja JSM pada tahun ini. Saya mewakili seluruh warga kerja JSM mengucapkan selamat datang kepada Puan Nur Zulaiha binti Aslan (menggantikan Puan Syafiqah Sa'abah), Puan Nor Baidura binti Basiran- Pembantu Pustakawan baharu, Puan Amirah binti Kuslan (menggantikan Encik Muhammad bin Musa) dan juga Cik Nur Maisarah binti Azman- pelajar praktikal yang akan ditempatkan di Unit Komunikasi Strategik (UKS). Saya berharap agar puan-puan dapat menyesuaikan diri dan menyumbang idea yang bernas serta memudah urus hal-hal di bahagian masing-masing bagi membantu JSM dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik, berkualiti dan berintegriti.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Melalui Mesyuarat Jawatankuasa Anti-Rasuah pada tahun 2022, terdapat laporan bahawa terdapat warga JSM yang tidak melengkapkan laporan kehadiran bertugas bagi bulan Januari sehingga Mei 2022. Perbuatan ini telah berulang bagi bulan Jun sehingga November 2022. Saya ingin mengingatkan kepada Pegawai Penyelia / Pengarah Bahagian agar dapat memantau pegawai di bawah seliaan masing-masing dan menegur atau memberi nasihat supaya pegawai sentiasa mematuhi peraturan pelaksanaan pelaporan kehadiran bertugas. Sekiranya gagal, tindakan tatatertib boleh diambil di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U.(A). 395/1993].

Saya juga mengambil kesempatan utk berkongsi beberapa pencapaian Jabatan bagi tahun 2022.

Secara keseluruhannya, pencapaian Business Plan bagi tahun 2022 telah merekodkan sebanyak 97 KPI berjaya dicapai daripada keseluruhan 133 KPI, 7 KPI tidak berjaya, 9 KPI masih *on going*, 19 KPI akan dibawa ke tahun ini, manakala 1 KPI baharu telah diwujudkan. Peningkatan peratus KPI yang berjaya dicapai pada tahun 2022 adalah sebanyak 54% berbanding 2021.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Walaupun menghadapi kekangan bajet dan sumber manusia yang terhad, pada tahun 2022 perkhidmatan Standardisasi telah berjaya:

- mencapai KPI Kementerian bagi projek pembangunan iaitu 415 MS dan 50 standard antarabangsa, iaitu melebihi daripada sasaran yang ditetapkan. Untuk makluman semua, 13 daripada 50 standard antarabangsa tersebut merupakan projek yang diterajui oleh pakar-pakar Malaysia yang berperanan sebagai *chairman*, *convenor* ataupun *project leader*;
- pada peringkat kebangsaan, jumlah kumulatif MS yang telah dibangunkan sehingga bulan Dis 2022 mencecah 4750 MS yang mana sebanyak 496 MS adalah merupakan standard mandatori;
- Tahun 2022 juga menyaksikan 3 MS berimpak tinggi berjaya diterbitkan iaitu *Malaysian Sustainable Palm Oil (MSPO) MS2530:2022 1st Revision Part 1-4*; *Adventure Tourism (MS ISO 21101 MS ISO21102)*; dan *Good Manufacturing Practice (GMP) (MS 1514: 2022 2nd Revision)*;

- BS juga telah berjaya melaksanakan program Forum bersama Pengerusi SDC yang saya rasakan forum pertama yang diadakan sejak JSM mengambil alih fungsi pembangunan standard secara *full-fledged*;

Bagi tahun 2023, antara sektor baharu yang bakal diterokai termasuklah, pembangunan standard berkaitan e-commerce/digital trade, space technology bagi menyokong usaha terkini selaras dengan *environmental, social, and governance* (ESG) framework, COP 27, *London Declaration* dan *UN Sustainable Development Goal* (UN SDG). Tahun ini juga BS dengan kerjasama ISO akan menjadi tuan rumah kepada *ISO CEO Forum for Members in Asia Pacific* yang akan berlangsung di Kuala Lumpur, pada bulan Mac 2023.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Bagi perkhidmatan akreditasi pula, berikut merupakan laporan status akreditasi badan-badan penilaian pematuhan (CAB) sehingga Disember 2022:

- i. Bilangan makmal yang diakredit (SAMM – kalibrasi dan pengujian + MT pengujian perubatan): 834
- ii. Bilangan badan pensijilan yang diakredit: 51
- iii. Bilangan badan pemeriksaan yang diakredit: 25
- iv. Bilangan Proficiency Testing Provider (PTP) yang diakredit: 4
- v. Bilangan fasiliti pengujian di bawah program OECD GLP: 12

Seperti yang semua sedia maklum, 2 skim baharu juga telah berjaya dilancarkan pada hujung tahun 2022 iaitu program akreditasi kembara pelancongan (Adventure Tourism) di bawah Accreditation of Certification Bodies (ACB) Scheme dan juga bidang pengujian "Network Testing" di bawah Skim Akreditasi Makmal Malaysia (SAMM). Tahniah diucapkan.

Jabatan telah melaksanakan kajian Infrastruktur Kualiti Kebangsaan (*National Quality Infrastructure - NQI*) serta membangunkan satu deraf dokumen Dasar Kualiti Kebangsaan (*National Quality Policy - NQP*) di bawah program EU ARISE+ Malaysia, *Trade Related Technical Assistance* (TRTA). Kajian ini dijalankan bagi menilai keseluruhan ekosistem NQI negara dan mengenalpasti jurang pelaksanaan sedia ada bagi tujuan penambahbaikan. Laporan akhir kajian NQI telah siap dan diluluskan oleh Jawatankuasa Pemandu pada November 2022. Deraf *National Quality Policy – NQP* juga telah dibangunkan dan akan diperhalusi dalam Fasa ke-3 projek pada tahun ini.

Tahniah juga diucapkan kepada Unit IT dan Jawatankuasa Pembangunan Portal dan Intranet JSM atas usaha gigih mereka dalam membangunkan portal ini. Sehingga kini (27 Januari 2023), portal baharu JSM telah menerima lebih 78,260 pengunjung. Selain itu, portal ini juga telah berjaya memenuhi semua kriteria SPLASK (Sistem Pemantauan Laman Web dan Servis Kerajaan) pada 16 Januari 2023 baru-baru ini. Tahniah diucapkan!

Selain itu saya juga mengambil kesempatan untuk mengajak warga kerja JSM untuk sama-sama kita *like* dan *follow* media sosial JSM seperti Facebook, Instagram, Twitter dan yang terbaharu TikTok. Promosi di media sosial penting dalam meningkatkan visibiliti Jabatan kepada orang

awam dan juga *stakeholders* kita. UKS telah mengambil inisiatif dalam mengemaskini posting-posting seperti bengkel-bengkel, forum, makmal-makmal yang telah diakredit dan juga poster-poster promosi aktiviti yang melibatkan JSM di media sosial. Selain media sosial, terima kasih juga kepada SINAR HARIAN kerana menerbitkan kenyataan media bagi aktiviti dan program JSM sepanjang tahun 2022.

Pastinya dengan kerjasama padu antara semua bahagian, program-program Jabatan kita dapat dilaksanakan dengan jayanya. Terima kasih kepada semua. Saya berharap agar kita sentiasa bekerjasama, saling membantu dalam satu pasukan.

Hadirin sekalian,

Anugerah Pekerja Contoh Bulanan

Pada kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada warga JSM yang telah mendapat Anugerah Pekerja Contoh Bulanan. Semoga kecemerlangan ini dapat diteruskan dan juga menjadi contoh kepada semua warga JSM yang lain untuk terus berkhidmat dengan cemerlang.

Sumbangan Kelab Sukan dan Kebajikan JSM

Saya juga difahamkan Kelab Sukan dan Kebajikan JSM akan menyerahkan sumbangan kepada beberapa pegawai pada hari ini. Semoga sumbangan ini sedikit sebanyak dapat membantu dalam urusan harian mereka.

Penutup

Akhir kata, saya sekali lagi ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih saya terhadap komitmen dan kesungguhan semua pegawai dan kakitangan Jabatan. Saya berharap agar kecemerlangan ini dapat diteruskan dan dikekalkan sepanjang masa. Teruskan tekad dan semangat padu yang ditunjukkan dalam mengekalkan prestasi kerja yang produktif dan progresif.

Semoga setiap apa yang dilakukan sentiasa mendapat keberkatan daripada Allah. Sekalung tahniah dan terima kasih tidak terhingga juga kepada pihak urus setia (Bahagian Khidmat Pengurusan, Unit Komunikasi Strategik dan Kleab Sukan dan Kebajikan) dalam memastikan kelangsungan Perhimpunan Bulanan ini berjalan dengan lancar.

Sekian, wabillahi taufik wal hidayah wassalamualaikum warahmatullahiwabarakatuh.

Terima kasih.